

10 JAN 1998

KERAJAAN NEGERI TUNGGU GARIS PANDUAN LANTIK ANGGOTA NEAC NEGERI

BANDAR BARU SERTING, 10 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata, Kerajaan Negeri masih menunggu garis panduan daripada kerajaan pusat sebelum melantik anggota Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) peringkat negeri.

Kerajaan Negeri akan melaksanakan apa jua yang diputuskan oleh kerajaan pusat kelak berhubung sebarang bentuk usaha dan tindakan yang diputuskan oleh NEAC, katanya.

"Apa yang penting ialah tugas kita sekarang ialah membantu menstabilkan semula ekonomi negara dengan mengenal pasti sebarang masalah dan kelemahan di peringkat negeri," katanya kepada pemberita selepas melawat projek ternakan kambing di Kampung Sungai Sampo dekat sini, hari ini.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang masalah atau halangan dalam melaksanakan apa jua tindakan yang akan ditetapkan oleh NEAC peringkat pusat.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan penubuhan NEAC di semua negeri dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri dilantik sebagai pengerusi.

Menteri Besar berkata, penubuhan NEAC peringkat negeri telahpun diputuskan dalam mesyuarat Exco Kerajaan Negeri bulan lepas dan kini hanya menunggu garis panduan yang akan dikeluarkan.

Menjawab satu soalan, beliau tidak menolak kemungkinan antara tanggungjawab NEAC peringkat negeri termasuk mengenal pasti dan membaiki sektor pelaburan di samping meningkatkan bidang pertanian.

-- BERNAMA

RAB PR